

Kekuatan dalaman, daya tahan pacu kejayaan negara

Oleh **MOHAMAD HAFIZ YUSOFF BAKRI** dan **ARIF AIMAN ASROL**
hafiz.yusoff@mediamulia.com.my


PETALING JAYA: Malaysia perlu membina kekuatan dalaman dan daya tahan ekonomi domestik demi memacu kejayaan negara setiap aspek.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim justeru menggesa generasi muda terus menimba ilmu dan mencari kaedah serta pendekatan baharu bagi mengurangkan kebergantungan kepada negara luar.

Malah beliau berkata, Malaysia perlu mempunyai dasar yang jelas dalam penggunaan sumber tenaga dan kepakaran tempatan dengan memberi keutamaan dalam setiap urusan pembangunan dan perniagaan.

“Kita bukan hanya bergantung kepada kekuatan luar, sebaliknya perlu membina kekuatan dalaman terlebih dahulu atau disebut daya tahan ekonomi domestik (*domestic economic resilience*).

“Walaupun kita menggunakan teknologi asing, kaedah baharu perlu dicari dan ini ditentukan anak muda. Mereka (generasi muda) mesti kuasai



ANWAR Ibrahim melakukan gimik peluncuran pekerjaan dan penyerahan surat tawaran fasa pengoperasian dan penyelenggaraan Laluan Rail Pantai Timur (ECRL) di Kuala Lumpur semalam.

ilmu yang lebih baik daripada generasi masa kini.

“Saya bagi contoh kadar tarif solar Amerika Syarikat (AS) yang dinaikkan terlalu tinggi. Adakah kita perlu serang ba-

lik (menaikkan tarif sebagai timbal balas)? Jawabannya tidak, sebaliknya kita galakkan guna solar tempatan di hospital dan sekolah. Ini keupayaan kita,” katanya dalam Majlis

Peluncuran Pekerjaan Dan Penyerahan Surat Tawaran PLKI-ECRL Bagi Fasa Pengoperasian Dan Penyelenggaraan Laluan Rail Pantai Timur (ECRL) di Kuala Lumpur semalam.